

Dasar Privasi Global untuk Pelanggan

Ezaki Glico Co., Ltd. dan anak syarikatnya (secara kolektif dirujuk sebagai "Kumpulan Glico" atau "Kumpulan", dan setiap syarikat dirujuk sebagai "syarikat kumpulan Glico") komited untuk melindungi data peribadi, mengikut undang-undang dan peraturan perlindungan data yang berkenaan. Dasar Privasi Global untuk Pelanggan ini terpakai kepada Kumpulan Glico apabila ia mengendalikan data peribadi pengguna dan rakan kongsi perniagaan (secara kolektif, "anda" atau "Pelanggan") dalam mana-mana bidang kuasa di seluruh dunia.

Maklumat yang dikendalikan oleh Kumpulan sebagai data peribadi akan dihadkan kepada maklumat yang memenuhi definisi "data peribadi" di bawah undang-undang dan peraturan yang terpakai dalam bidang kuasa yang berkenaan.

Sebagai tambahan kepada Dasar Privasi Global ini, Kumpulan turut menetapkan Lampiran untuk wilayah tertentu sebagai tambahan atau pindaan kepada Dasar Privasi Global ini untuk mematuhi undang-undang dan peraturan perlindungan data dalam bidang kuasa tersebut ("Lampiran Tempatan"). Setiap Lampiran Tempatan telah dilampirkan di sini dan skop penggunaan bagi setiap Lampiran Tempatan akan dijelaskan melalui Lampiran tersebut. Secara amnya, berhubung dengan pemrosesan data peribadi anda, Lampiran Tempatan bagi kediaman atau lokasi anda dan lokasi syarikat kumpulan Glico yang menyediakan barangan atau perkhidmatan kepada anda akan diguna pakai. Oleh itu, terdapat lebih daripada satu Lampiran Tempatan yang mungkin akan terpakai sekiranya anda dan syarikat kumpulan Glico yang berkaitan menetap atau berada di bidang kuasa yang berbeza.

Sila baca dengan teliti Dasar Privasi Global ini secara keseluruhan dan Lampiran Tempatan yang terpakai kepada anda kerana data peribadi yang dikumpulkan oleh Kumpulan daripada anda akan diuruskan mengikut (i) jika sebarang Lampiran Tempatan terpakai, Dasar Privasi Global ini ditambah atau dipinda oleh Lampiran Tempatan yang berkenaan dan (ii) jika tidak, Dasar Privasi Global ini sendiri ((i) atau (ii) mengikut mana-mana yang berkenaan dirujuk sebagai "Dasar Privasi Yang Terpakai").

Kumpulan atau syarikat kumpulan Glico mungkin menawarkan dasar privasi, notis atau terma dan syarat yang berkaitan dengan data peribadi secara berasingan dalam menyediakan barangan atau perkhidmatan tertentu kepada anda (secara kolektif, "Dasar Khusus") dan apabila anda mengambil atau menggunakan barangan atau perkhidmatan tersebut, Dasar Khusus berkenaan akan digunakan sebagai tambahan kepada Dasar Privasi Yang Terpakai.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara mana-mana peruntukan Dasar Privasi Global ini, Lampiran Tempatan dengan Dasar Khusus, peruntukan yang mengenakan kewajipan yang lebih ketat (atau paling ketat) akan diguna pakai.

1. Kategori Data Peribadi yang Dikumpul oleh Kumpulan

Kategori maklumat yang berhubung dengan Pelanggan yang dikumpul oleh Kumpulan adalah seperti yang dinyatakan di bawah, dengan syarat bahawa seperti yang dinyatakan di atas, Kumpulan hanya akan menganggap maklumat tersebut sebagai data peribadi sekiranya maklumat tersebut memenuhi definisi "data peribadi" menurut undang-undang dan peraturan yang berkenaan dalam setiap bidang kuasa:

- (a) Nama – nama keluarga;
- (b) jantina;
- (c) umur;
- (d) tarikh lahir;
- (e) syarikat tempat bekerja dan jawatan atau gelarannya;
- (f) nombor telefon dan faksimili;
- (g) alamat e-mel;
- (h) alamat kediaman dan alamat pejabat;
- (i) alamat penghantaran dan alamat pengebilan;
- (j) maklumat geolokasi;
- (k) pesanan dan sejarah pengebilan;
- (l) cara anda menggunakan laman web Kumpulan, dan sejarah semakan imbas;
- (m) maklumat kad kredit (seperti nombor penuh, 4 digit terakhir dan jenis);
- (n) maklumat akaun bank;
- (o) pengenal unik pelanggan (seperti nombor ID pengguna);
- (p) Maklumat ID akaun media sosial atau seumpamanya;
- (q) ID log masuk dan kata laluan anda;
- (r) status persetujuan bagi surat berita atau mel langsung dsb.,;
- (s) maklumat mengenai peranti anda (seperti alamat IP anda, pengecam peranti, rangkaian, penyemak imbas dan sistem pengendalian);
- (t) ulasan, pendapat, komen, pertanyaan, dan petunjuk tentang barangan dan perkhidmatan Kumpulan; dan

- (u) kategori data peribadi lain yang diperlukan untuk tujuan yang diterangkan dalam **Seksyen 2. “Tujuan Penggunaan Data Peribadi Anda oleh Kumpulan”** di bawah (jika diperlukan di bawah undang-undang yang terpakai, Kumpulan akan memaklumkan anda tentang kategori data peribadi tersebut secara berasingan).

Cara yang digunakan oleh Kumpulan untuk mengumpul data peribadi secara langsung daripada anda termasuk, tetapi tidak terhad kepada, melalui laman web Kumpulan atau tapak rangkaian sosial (seperti apabila anda mengakses atau menyemak imbas laman web Kumpulan atau tapak rangkaian sosial; apabila anda membuat pesanan dalam talian; atau apabila anda memuat naik dan mengemukakan ulasan, pendapat, komen, pertanyaan atau petunjuk anda), melalui e-mel, melalui pos atau faks, melalui pertemuan, atau dengan menggunakan kuki dan teknologi lain yang serupa (untuk kuki dan teknologi lain yang serupa, sila rujuk **Seksyen 8. “Kuki dan Teknologi Yang Serupa”** di bawah).

Seperti yang diterangkan dalam **Seksyen 3. “Bagaimana Kumpulan Berkongsi Data Peribadi Anda”** di bawah, syarikat kumpulan Glico mungkin mengumpul data peribadi daripada syarikat kumpulan Glico yang lain.

Kumpulan juga mungkin mengumpul data peribadi daripada sumber yang tersedia secara umum seperti laman web pihak ketiga, blog, laman media sosial dan tapak rangkaian profesional.

2. Tujuan Penggunaan Data Peribadi Anda oleh Kumpulan

Kumpulan menggunakan data peribadi anda untuk tujuan yang diterangkan di bawah. Walau bagaimanapun, asas undang-undang untuk memproses data peribadi anda mungkin berubah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan berkaitan yang berkenaan bagi bidang kuasa masing-masing, maka sila rujuk juga Lampiran Tempatan yang berkenaan.

Data peribadi yang dikumpul oleh Kumpulan akan digunakan untuk:

- (a) memenuhi kewajipan kontrak Kumpulan berhubung dengan transaksi antara anda dengan Kumpulan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, bagi memproses pesanan dan bayaran anda;
- (b) berkomunikasi dengan anda tentang barangan, perkhidmatan, kempen dan acara yang ditawarkan oleh Kumpulan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menjawab pertanyaan dan pendapat anda, memberikan berita dan maklumat yang Kumpulan berpendapat akan memberi manfaat kepada anda dan menghantar hadiah yang berkaitan dengan kempen dan acara;
- (c) membolehkan anda mengambil bahagian dalam tinjauan, kempen dan acara;

- (d) memantau dan menganalisis kecenderungan, penggunaan dan status aktiviti yang berkaitan dengan barangan dan perkhidmatan Kumpulan, untuk menambah baik atau membangunkan barangan dan perkhidmatan Kumpulan;
- (e) mengesan, menyiasat dan mencegah transaksi penipuan dan aktiviti haram lain; serta melindungi hak dan harta Kumpulan, anda dan orang lain;
- (f) mengedarkan iklan bersasar kepada anda di laman web atau yang seumpamanya milik Kumpulan dan pihak ketiga, mengikut citarasa dan pilihan anda yang terhasil daripada penganalisan maklumat seperti sejarah semakan imbas yang diperoleh daripada anda;
- (g) melaporkan secara dalaman melalui Kumpulan;
- (h) menjalankan apa-apa tujuan lain yang diterangkan kepada anda semasa data peribadi dikumpul;
- (i) menjalankan audit dalaman oleh atau ke atas syarikat kumpulan Glico;
- (j) mematuhi undang-undang, peraturan dan keperluan lain yang terpakai (seperti bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang, pihak berkuasa kawal selia dan agensi kerajaan yang lain);
- (k) menjawab sebarang permintaan daripada anda; dan
- (l) tujuan lain seperti yang dinyatakan dalam **Seksyen 3. “Bagaimana Kumpulan Berkongsi Data Peribadi Anda”** di bawah.

3. Bagaimana Kumpulan Berkongsi Data Peribadi Anda

Kumpulan mungkin berkongsi data peribadi anda seperti yang diterangkan di bawah atau seperti yang dinyatakan dalam Lampiran Tempatan atau Dasar Khusus:

- (a) berkongsi dengan syarikat kumpulan Glico yang lain, di mana perkongsian tersebut diperlukan untuk tujuan yang diterangkan dalam **Seksyen 2. “Tujuan Penggunaan Data Peribadi Anda oleh Kumpulan”** di atas;
- (b) perkongsian dengan syarikat kumpulan Glico yang lain, di mana perkongsian tersebut diperlukan untuk mentadbir perniagaan Kumpulan;
- (c) berkongsi dengan pengedar dan peruncit Kumpulan untuk menyediakan Pelanggan dengan barangan dan perkhidmatan Kumpulan, dengan syarat mereka dikehendaki menggunakan data peribadi yang dikongsi Kumpulan hanya untuk tujuan menyediakan Pelanggan dengan barangan dan perkhidmatan Kumpulan dan untuk memproses data peribadi tersebut menurut semua undang-undang dan peraturan perlindungan data yang berkenaan;
- (d) berkongsi dengan agensi pemasaran digital dan pembangunan web untuk pemasaran digital dan aktiviti berkaitan laman web, dengan syarat mereka dikehendaki menggunakan data peribadi yang dikongsi Kumpulan hanya untuk tujuan pemasaran digital dan/atau membangun dan mengemas kini laman web Kumpulan dan untuk memproses data peribadi

sedemikian mengikut semua undang-undang dan peraturan perlindungan data yang berkenaan;

- (e) berkongsi dengan agensi analisis luaran untuk penilaian kecacatan produk, dengan syarat mereka dikehendaki menggunakan data peribadi yang dikongsi Kumpulan hanya untuk tujuan penilaian kecacatan produk oleh Kumpulan dan memproses data peribadi anda dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan perlindungan data yang berkenaan;
- (f) perkongsian dengan syarikat atau individu (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penyedia perkhidmatan, ejen, sub-kontraktor dan kontraktor), di mana perkongsian tersebut perlu untuk menyediakan barangan, kempen dan perkhidmatan Kumpulan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, bagi menghantar hadiah pengguna Kumpulan kepada anda, dengan syarat mereka dikehendaki menggunakan data peribadi yang dikongsi oleh Kumpulan hanya untuk tujuan menyediakan barangan, kempen dan perkhidmatan Kumpulan dan untuk memproses data peribadi anda dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan perlindungan data yang berkenaan;
- (g) berkongsi dengan penasihat profesional Kumpulan (seperti peguam, akauntan dan penasihat kewangan), setakat yang diperlukan dan hanya sekiranya mereka terikat untuk merahsiakan data peribadi anda;
- (h) penzahiran sebagai sebahagian daripada cadangan penjualan, penggabungan, pemerolehan, usaha sama atau pemindahan aset Kumpulan, tertakluk kepada pemastian bahawa penerima berada di bawah kewajipan kerahsiaan yang sesuai berhubung dengan data peribadi anda dan menggunakannya hanya setakat tujuan itu, seperti yang diperuntukkan dalam Dasar Privasi Yang Terpakai atau Dasar Khusus;
- (i) menzahirkan sekiranya dikehendaki oleh undang-undang, diminta oleh entiti kerajaan atau sekiranya perlu untuk mencegah jenayah atau untuk memastikan hak, harta benda atau keselamatan peribadi Kumpulan, Pelanggan Kumpulan atau mana-mana orang lain; dan
- (j) berkongsi data peribadi sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai.

Kumpulan juga boleh berkongsi maklumat statistik atau maklumat yang diawanama ke dalam bentuk yang tidak lagi dapat secara munasabah mengenal pasti anda.

4. Pemindahan Data ke Luar Negara

Kumpulan mungkin memindahkan sebarang data peribadi yang dikumpulkan oleh Kumpulan daripada anda ke negara lain (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apabila syarikat kumpulan Glico berada di negara selain dari negara tempat tinggal anda) dan mengendalikan data peribadi di negara tersebut. Negara-negara tersebut mungkin tidak mempunyai undang-undang dan peraturan perlindungan data yang sama seperti negara tempat tinggal anda, dan data peribadi anda akan tertakluk kepada undang-

undang dan peraturan setiap negara tersebut. Apabila Kumpulan memindahkan data peribadi anda ke negara lain, Kumpulan akan mengambil langkah perlindungan untuk melindungi data peribadi anda seperti yang diperlukan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

5. Keselamatan

Kumpulan akan mengambil langkah fizikal, teknikal dan prosedur yang munasabah untuk melindungi data peribadi dalam organisasi Kumpulan daripada kehilangan, kecurian dan penggunaan, penzahiran atau pengubahsuaian tanpa kebenaran. Apabila data peribadi disimpan oleh pihak ketiga bagi pihak Kumpulan, Kumpulan juga telah menetapkan kewajipan kontrak ke atas pihak ketiga tersebut untuk memastikan kerahsiaan dan keselamatan data tersebut.

Walaupun Kumpulan akan mengambil semua langkah yang munasabah (seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai) untuk melindungi integriti data tersebut, ia adalah menjadi kewajipan anda untuk merahsiakan (termasuk, mengambil langkah yang munasabah untuk merahsiakan) sebarang nama pengguna dan kata laluan yang dikeluarkan oleh atau berkaitan dengan laman web Kumpulan, dan memaklumkan Kumpulan dengan segera tentang sebarang kemungkinan pelanggaran keselamatan (termasuk akses tanpa kebenaran kepada data peribadi anda melalui laman web Kumpulan). Kumpulan tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kehilangan, akses atau perubahan tanpa kebenaran, atau penyalahgunaan yang berlaku disebabkan kegagalan anda untuk mematuhi kewajipan anda.

6. Mengekalkan dan Memadam Data Peribadi

Kumpulan akan menyemak data peribadi yang disimpan oleh Kumpulan secara berkala untuk memastikan bahawa data tersebut adalah tepat dan terkini. Kumpulan juga akan menyimpan data peribadi anda hanya selagi perlu (tertakluk kepada dasar dalaman Kumpulan mengenai pengekalan data sekiranya ada atau tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang terpakai sekiranya tiada dasar tersebut) dan akan berusaha dengan sewajarnya untuk memadamkannya tanpa berlengah-lengah selepas ianya tidak lagi diperlukan.

7. Hak Pelanggan

Anda mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan anda bagi pengendalian data peribadi anda, setakat yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai. Jika anda ingin menarik balik persetujuan anda, sila hubungi Kumpulan dengan menggunakan butiran perhubungan yang dinyatakan dalam Seksyen 11. “**Butiran Perhubungan**” di bawah.

Setakat yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai, anda juga mempunyai hak lain mengenai data peribadi anda termasuk, tetapi tidak terhad kepada, hak akses, pemadaman, pemberhentian penggunaan atau pembedahan. Sekiranya anda ingin menguatkuasakan hak anda, sila hubungi Kumpulan dengan menggunakan butiran perhubungan yang dinyatakan dalam **Seksyen 11. "Butiran Perhubungan"** di bawah.

Sekiranya anda mengemukakan permintaan seperti yang dinyatakan di atas, anda akan dikehendaki untuk memberikan maklumat yang mencukupi kepada Kumpulan bagi tujuan pengenalpastian diri anda. Setelah menerima permintaan anda, Kumpulan mungkin meminta anda memberikan maklumat tambahan (termasuk bukti identiti) untuk menguruskan permintaan anda. Sila ambil perhatian bahawa pengurusan permohonan tersebut juga mungkin akan mengambil sedikit masa. Walau bagaimanapun, Kumpulan menasihatkan untuk menguruskan semua permintaan dengan secepat yang mungkin.

Kumpulan akan menguruskan permintaan anda yang dibuat mengikut undang-undang yang terpakai; walau bagaimanapun, Kumpulan juga mungkin mengenakan bayaran yang sesuai untuk menampung kos mengurus permintaan, jika dibenarkan oleh undang-undang.

8. Cookie dan Teknologi Yang Serupa

Cookie dan teknologi lain yang serupa digunakan pada halaman tertentu dalam laman web Kumpulan dan laman web pihak ketiga yang lain. *Cookie* ialah teknologi untuk berkomunikasi antara pelayan laman web dengan penyemak imbas. Melalui *cookie*, sejarah tontonan anda bagi laman web tertentu seperti laman web Kumpulan akan direkodkan, sekaligus menjadikan penggunaan internet anda lebih bermanfaat. *cookie* merupakan teknologi standard internet yang diguna pakai secara meluas, dan digunakan oleh banyak laman web untuk tujuan menambah baik kemudahan pelanggan, memaparkan iklan kepada pelanggan dan mengumpul statistik.

Dengan menukar tetapan *cookie*, anda boleh menyekat *cookie*. Walau bagaimanapun, dengan menyekat *cookie*, anda mungkin tidak dapat menggunakan beberapa perkhidmatan di laman web tersebut. Tambahan pula, bergantung pada persekitaran penggunaan anda (seperti tetapan penyemak imbas dan sambungan internet), anda mungkin tidak dapat menyekat *cookie*.

9. Komunikasi Pemasaran Langsung

Sekiranya anda tidak lagi mahu menerima komunikasi pemasaran langsung daripada Kumpulan (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, melangusng), anda boleh menghentikan penerimaan komunikasi tersebut dengan mengikut arahan yang terkandung di dalamnya atau dengan menghubungi Kumpulan dengan menggunakan butiran perhubungan yang dinyatakan dalam **Seksyen 11. "Butiran**

Perhubungan" di bawah. Sila ambil perhatian bahawa sekiranya anda menghentikan penerimaan komunikasi pemasaran langsung, Kumpulan masih boleh menghantar mesej yang diperlukan untuk tujuan pentadbiran kepada anda.

10. Perkhidmatan / Laman Web Pihak Ketiga

Laman web Kumpulan mungkin meminta anda untuk memberikan data peribadi, seperti semasa anda log masuk ke laman web ini dengan menggunakan ID log masuk, kata laluan dan seumpamanya. Sesetengah fungsi mungkin membenarkan anda untuk berkongsi suapan (*feeds*) atau memuat naik kandungan ke media sosial dan tapak rangkaian profesional dengan menggunakan alat pengesahsahihan pihak ketiga. Sebarang maklumat yang didapati melalui penggunaan fungsi tersebut dikawal oleh dasar dan terma privasi pihak ketiga yang berkaitan, bukan oleh Dasar Privasi Yang Terpakai.

Laman web Kumpulan mengandungi pautan ke laman web selain daripada laman web Kumpulan. Kumpulan tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa yang berkaitan dengan laman web lain yang dipautkan daripada laman web Kumpulan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, **berhubung privasi di laman web tersebut**. Di samping itu, Kumpulan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang pengendalian data peribadi atau maklumat lain yang dikemukakan oleh anda melalui laman web tersebut, atau sebaliknya dikumpulkan daripada anda oleh pengendali laman web tersebut.

11. Butiran Perhubungan

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang Dasar Privasi Global ini atau Lampiran Tempatan, atau pengendalian data peribadi anda oleh Kumpulan, sila hubungi Kumpulan dengan menggunakan butiran perhubungan di bawah.

12. Perubahan Dasar

Kumpulan mungkin mengemas kini Dasar Privasi Global atau Lampiran Tempatan ini dari semasa ke semasa, selaras dengan dasar dalaman Kumpulan, perkembangan teknologi, amalan industri atau undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Sekiranya Kumpulan melakukan sebarang perubahan pada Dasar Privasi Global ini atau mana-mana Lampiran Tempatan, Kumpulan akan menyiarkan versi yang disemak di sini. Sila semak halaman ini dengan kerap. Selain itu, Kumpulan akan menjalankan prosedur yang diperlukan (seperti memaklumkan anda dan mendapatkan persetujuan anda) seperti yang dituntut di bawah setiap undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

13. Kanak-kanak

Kumpulan mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai dalam setiap bidang kuasa yang berkaitan apabila mengumpul data peribadi daripada kanak-kanak.

Dasar Privasi Global untuk Pelanggan – Lampiran Malaysia

Kemas Kini Terakhir: 5 October, 2022

Tarikh Berkuatkuasa: 5 October, 2022

Lampiran Malaysia ini akan digunakan sekiranya syarikat-syarikat kumpulan Glico yang berikut memproses data peribadi anda.

- Glico Malaysia Sdn. Bhd.
- Syarikat-syarikat kumpulan Glico yang terletak di luar Malaysia tetapi menggunakan peralatan di Malaysia untuk memproses data peribadi selain untuk tujuan transit melalui Malaysia.

Anda bersetuju bahawa data peribadi anda boleh dikumpul, diproses, dikongsi dan dipindahkan kepada pihak ketiga seperti yang diterangkan dalam **Seksyen 1 hingga 4** Dasar Privasi Global

Melainkan dinyatakan sebaliknya, adalah wajib bagi anda untuk memberikan kepada kami semua maklumat yang diminta. Sekiranya anda gagal memberikan maklumat yang diminta, kami tidak akan dapat meneruskan satu atau lebih tujuan yang ditetapkan dalam **Seksyen 2 "Bagaimana Kami Menggunakan Data Peribadi Anda"** Dasar Privasi Global untuk anda.

Global Privacy Policy for Customers

Ezaki Glico Co., Ltd. and its subsidiaries (collectively referred to as “Glico Group” or “the Group”, and each company is referred to as a “Glico group company”) are committed to protecting personal data, in accordance with applicable data protection laws and regulations. This Global Privacy Policy for Customers applies to Glico Group when it handles personal data of consumers and business partners (collectively, “you”, “your” or “Customers”) in any jurisdiction all over the world.

Information that the Group handles as personal data will be limited to information that meets the definition of “personal data” under the applicable laws and regulations in the relevant jurisdiction.

In addition to this Global Privacy Policy, the Group establishes the Annex for a specific region supplementary to or amending this Global Privacy Policy to comply with the data protection laws and regulations in such a specific jurisdiction (the “Local Annex”). Each Local Annex is attached hereto and the scope of application of each Local Annex is set forth in that Annex. Typically, in relation to the processing of your personal data, the Local Annex for your residence or location and that for the location of the Glico group company that provides goods or services to you will apply. Thus, more than one Local Annex may be applicable if you and the relevant Glico group company are residing or located in different jurisdictions.

Please read carefully this Global Privacy Policy in its entirety and the Local Annex applicable to you because personal data which the Group collects from you will be treated in accordance with (i) if any Local Annex is applied, this Global Privacy Policy supplemented or amended by such applicable Local Annex and (ii) if not, this Global Privacy Policy itself ((i) or (ii) as the case may be is referred to as the “Applied Privacy Policy”).

The Group or a Glico group company may offer separate privacy policies, notices or terms and conditions with regard to personal data for providing you with specific goods or services (collectively, the “Specific Policy”) and when you take or use such specific goods or services, the Specific Policy is applied in addition to the Applied Privacy Policy.

If there is any inconsistency among any provision of this Global Privacy Policy, the Local Annex and the Specific Policy, the provision that imposes stricter (or the strictest) obligations shall prevail.

1. Categories of Personal Data the Group Collects

Categories of information that the Group collects in relation to Customers are as set forth below, provided, however, that as noted above, the Group treats such information as personal data only if such information meets the definition of “personal data” under applicable laws and regulations of each jurisdiction:

- (v) name - surname;
- (w) gender;
- (x) age;
- (y) date of birth;
- (z) company which he/she is working for and his/her position or title;
- (aa) telephone and facsimile numbers;
- (bb) e-mail address;
- (cc) resident address and office address;
- (dd) shipping address and billing address;
- (ee) geolocation information;
- (ff) order and billing history;
- (gg) how you use the Group’s websites, and browsing history;
- (hh) credit card information (such as full number, last 4-digits, and type);
- (ii) bank account information;
- (jj) unique customer identifier (such as user ID number);
- (kk) ID information of social media account or the like;
- (ll) your login ID and password;
- (mm) consent status of newsletter or direct mail etc.,;
- (nn) information regarding your device (such as your IP address, device identifiers, networks, browser and operating system);
- (oo) reviews, opinions, comments, enquiries, and indications about the Group’s goods and services; and
- (pp) other categories of personal data necessary for the purposes described in **Section 2. “Purposes of the Group’s Use of Your Personal Data”** below (if required under applicable law, the Group will notify you of the categories of such personal data separately).

The means that the Group uses to collect personal data directly from you includes, without limitation, through the Group’s websites or social networking sites (such as when you access or browse the Group’s websites or social networking sites; when you place online orders; or when you upload and submit your reviews, opinions, comments, enquiries, or indications), by e-mail, by postal mail or fax,

through a meeting, or by use of cookies and other similar technologies (for cookies and other similar technologies, please refer to **Section 8. “Cookies and Similar Technologies”** below).

As described in **Section 3. “How the Group Shares Your Personal Data”** below, Glico group companies may collect personal data from another Glico group company.

The Group may also collect personal data from publicly available sources such as third party websites, blogs, social media sites and professional networking sites.

2. Purposes of the Group’s Use of Your Personal Data

The Group uses your personal data for the purposes described below. However, legal grounds to process your personal data may change subject to the applicable relevant laws and regulations of the respective jurisdictions, so please also refer to the applicable Local Annex.

Personal data collected by the Group will be used for:

- (m) fulfilling the Group’s contractual obligations in relation to transactions between you and the Group, including, without limitation, processing your orders and payments;
- (n) communicating with you about the goods, services, campaigns, and events offered by the Group, including, without limitation, responding to your enquiries and opinions, providing news and information which the Group thinks will be of beneficial to you and shipping out prizes related to campaigns and events;
- (o) permitting you to participate in surveys, campaigns, and events;
- (p) monitoring and analyzing trends, usage and the status of activities in connection with the Group’s goods and services, with an aim to improve or develop the Group’s goods and services;
- (q) detecting, investigating and preventing fraudulent transactions and other illegal activities; and protecting the rights and property of the Group, you and others;
- (r) distributing targeting advertisement to you on websites or the like of the Group and those of third parties, according to your tastes and preferences coming out from analyzing information such as browsing history obtained from you;
- (s) reporting internally within the Group;
- (t) carrying out any other purpose described to you at the time personal data was collected;
- (u) conducting internal audits by on Glico group companies;
- (v) complying with applicable laws, regulations and other requirements (such as cooperating with law enforcement agencies, regulatory authorities, and other governmental agencies);
- (w) responding to any request from you; and

- (x) such other purposes as mentioned in **Section 3. “How the Group Shares Your Personal Data”** below.

3. How the Group Shares Your Personal Data

The Group may share your personal data as described below or as otherwise described in the Local Annex or the Specific Policy:

- (k) sharing with other Glico group companies, where such sharing is necessary for the purposes described in **Section 2. “Purposes of the Group’s Use of Your Personal Data”** above;
- (l) sharing with other Glico group companies, where such sharing is necessary for administrating the Group’s business;
- (m) sharing with the Group’s distributors and retailers for providing Customers with goods and services of the Group, provided that they are required to use the personal data which the Group shares only for the purpose of providing Customers with goods and services of the Group and to process such personal data in compliance with all applicable data protection laws and regulations;
- (n) sharing with digital marketing and web development agencies for digital marketing and website related activities, provided that they are required to use the personal data which the Group shares only for the purpose of digital marketing and/or developing and updating websites for the Group and to process such personal data in compliance with all applicable data protection laws and regulations;
- (o) sharing with external analysis agencies for evaluation of product defects, provided that they are required to use the personal data which the Group shares only for the purpose of the Group’s evaluation of product defects and to process your personal data in compliance with all applicable data protection laws and regulations;
- (p) sharing with companies or individuals (including, without limitation, service providers, agents, sub-contractors and contractors), where such sharing is necessary for providing the Group’s goods, campaigns and services, including, without limitation, sending the Group’s consumer prizes to you, provided that they are required to use the personal data which the Group shares only for the purpose of providing the Group’s goods, campaigns and services and to process your personal data in compliance with all applicable data protection laws and regulations;
- (q) sharing with the Group’s professional advisors (such as lawyers, accountants and financial advisors), to the extent necessary and only if they are bound to keep your personal data confidential;
- (r) disclosing as part of the Group’s proposed sale, merger, acquisition, joint venture or transfer of assets, subject to ensuring that the recipient is under suitable confidentiality obligations in

- respect of your personal data and uses it only to the extent that the purpose of such use is as provided in the Applied Privacy Policy or the Specific Policy;
- (s) disclosing where required by law, where requested by a government entity or where necessary to prevent crime or to ensure the rights, property or personal safety of the Group, the Group's Customers or any other person; and
 - (t) sharing personal data as otherwise permitted by applicable law.

The Group may also share statistical or anonymized information in a form that cannot reasonably identify you.

4. Data Transfer Outside of Country

The Group may transfer any personal data the Group collects from you to other countries (including, without limitation, those where Glico group companies are located other than your country of residence) and handle the personal data in such other countries. Those other countries may not have the same data protection laws and regulations as the country of your residence, and your personal data will be subject to laws and regulations of each of those countries. When the Group transfers your personal data to such other countries, the Group will implement safeguards to protect your personal data required under applicable laws and regulations.

5. Security

The Group will take reasonable physical, technical and procedural measures to safeguard personal data within the Group's organization against loss, theft and unauthorized use, disclosure or modification. Where personal data is held by third parties on behalf of the Group, the Group has also imposed contractual obligations on such third parties to ensure the confidentiality and security of such data.

While the Group will take all reasonable measures (as required by applicable law) to protect the integrity of such data, it is your duty to keep (including, to take reasonable steps to keep) confidential any user names and passwords issued by or relating to the Group's websites, and to inform the Group promptly of any possible security breaches (including unauthorized access to your personal data through the Group's websites). The Group cannot be responsible for any loss, unauthorized access or alteration, or misuse which occurs due to your failure to comply your duty.

6. Retaining and Deleting Personal Data

The Group will periodically review the personal data held by the Group to ensure that such data is accurate and up to date. The Group will also retain your personal data only for so long as it is necessary (subject to the Group's internal policies on data retention if applicable ones exist or subject to applicable laws and regulations if such policies applicable do not exist) and will use reasonable efforts to delete it without delay after it becomes not necessary.

7. Customers' Rights

To the extent required by applicable law, you have the right to withdraw your consent for handling of your personal data. If you want to withdraw your consent, please contact the Group by using the contact details set forth in **Section 11. "Contact Details"** below.

To the extent required by applicable law, you also have other rights regarding your personal data including, without limitation, rights of access, deletion, cease of use, or correction. If you want to assert your rights, please contact the Group by using the contact details set forth in **Section 11. "Contact Details"** below.

If you make a request as set out above, you will be required to provide the Group with sufficient information to identify you. Upon receipt of your request, the Group may ask you to provide additional information (including proof of identity) in order to deal with your request. Please note that it may also take some time to deal with the application, although the Group aims to deal with all requests as soon as possible.

The Group will deal with your requests above made in accordance with the applicable law; however, where permitted by law, the Group may also charge an appropriate fee to cover the cost of dealing with requests.

8. Cookies and Similar Technologies

Cookies and other similar technologies are used on certain pages of the Group's website and other third party websites. Cookies are a technology for communicating between the website's server and the browser. With cookies, your viewing history of a certain website such as the Group's website is recorded, which makes your use of the internet more beneficial. Cookies are widespread as a standard technology of the internet, and are used by many sites for the purpose of improving customer convenience, displaying advertising to customers and collecting statistics.

By changing the cookie settings, you can block cookies. However, by blocking cookies, you may become unable to use some of the services on the site. Furthermore, depending on your usage environment (such as browser settings and internet connection), it may not be possible to block cookies.

9. Direct Marketing Communications

If you no longer want to receive direct marketing communications from the Group (including, without limitation, direct mail), you may stop receiving those communications by following the instructions therein contained or by contacting the Group by using the contact details set forth in **Section 11. “Contact Details”** below. Please note that if you stop receiving direct marketing communications, the Group may still send you messages that are necessary for administrative purpose.

10. Third Party Services / Websites

The Group’s websites may ask you to provide personal data, such as when you log into the website by using a login ID, password and the like. Some functionality may allow you to share feeds or post content to social media and professional networking sites by using third party authentication tools. Any information that is captured through the use of such functionality is governed by the relevant third party privacy policy and terms, not by the Applied Privacy Policy.

The Group’s websites contain links to websites other than those of the Group. The Group bears no responsibility for anything related to such other websites linked from those of the Group, including, without limitation, for the privacy on such other websites. In addition, the Group bears no responsibility for any handling of personal data or other information submitted by you through those websites, or otherwise collected from you by those website operators.

11. Contact Details

If you have any questions about this Global Privacy Policy or a Local Annex, or the Group’s handling of your personal data, please contact the Group by using the contact details below.

12. Policy Changes

The Group may update this Global Privacy Policy or the Local Annex from time to time, in accordance with the Group’s internal policies, technological developments, industry practices or applicable laws and regulations. If the Group makes any changes to this Global Privacy Policy or any Local Annex, the Group will post the revised version here, so please do review this page frequently. In addition, the Group will conduct the necessary procedures (such as notifying you and obtaining your consent) required under each applicable laws and regulations.

13. Children

The Group follows applicable laws and regulations in each relevant jurisdiction when collecting personal data from children.

Global Privacy Policy for Customers – Malaysia Annex

Last Updated: 5 October, 2022

Effective Date: 5 October, 2022

This Malaysia Annex will be applied if the following Glico group companies process your personal data.

- Glico Malaysia Sdn. Bhd.
- Glico group companies located outside Malaysia but uses equipment in Malaysia for processing personal data otherwise than for the purposes of transit through Malaysia.

You agree that your personal data may be collected, processed, shared and transferred to third parties as described in **Sections 1 through 4** of the Global Privacy Policy

Unless otherwise stated, it is mandatory for you to provide to us all of the information requested from us. Should you fail to provide the requested information, we will be unable to pursue one or more of the purposes set out in **Section 2 “Purposes of the Group’s Use of Your Personal Data”** of the Global Privacy Policy for you.